

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG MAJLIS SUKAN PERTUBUHAN WANITA  
KEBANGSAAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSKWP)  
Lokasi : HOTEL PARK ROYAL, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 11-09-1993

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli- Ahli Jawatankuasa MSKWP kerana telah sudi menjemput saya merasmikan Mesyuarat Agong Majlis Sukan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan (MSKWP) kali yang kedua pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada puan-puan selaku tenaga pengasas persatuan ini yang telah memimpin persatuan ini dengan baik sejak ianya ditubuhkan. MSKWP kini telah mempunyai identitinya tersendiri dengan mencipta logo dan benderanya.

Penubuhan MSKWP adalah satu usaha yang amat baik ke arah menyatukan pertubuhan-pertubuhan wanita di Wilayah Persekutuan, khususnya PUSPANITA, PERKEP, PELITAWANIS dan PETRONITA. Oleh kerana persatuan ini adalah sebuah pertubuhan yang didaftarkan di bawah undang-undang, dan memandangkan bahawa sebahagian besar daripada ahli-ahlinya adalah terdiri daripada isteri-isteri pegawai-pegawai Kerajaan, dan setelah menimbang bahawa aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah memberi munafaat lansung kepada prestasi ahli-ahli perkhidmatan awam, maka adalah dimaklumkan bahawa persatuan ini adalah dimasukkan sebagai salah satu daripada pertubuhan dalam Lampiran A kepada Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1991. Ini bermakna bahawa kegiatan- kegiatan persatuan ini boleh disifatkan sebagai tugas-tugas rasmi Kerajaan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Am yang berkenaan.

Persatuan ini hendaklah terus menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan. Disamping itu, MSKWP hendaklah merancang dan mengaturkan aktiviti-aktiviti sukan untuk ahli-ahli keluarga masing- masing. MSKWP juga perlu menimbang untuk membuka keahlian kepada persatuan-persatuan wanita di Wilayah Persekutuan yang wujud di agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun. Justeru itu, MSKWP haruslah memikirkan program-program yang dapat menarik lebih ramai lagi ahli.

Puan-puan mungkin boleh menimbang keluaran penerbitan pertama dengan Lembaga Pengarang yang terdiri daripada wakil-wakil dari pertubuhan yang menjadi ahli. Melalui penerbitan-penerbitan ini ahli-ahli dan pertubuhan wanita yang lain akan dapat mengikuti kegiatan persatuan ini dari masa kesemasa.

Keupayaan dan kebolehan wanita bagi mewujudkan keharmonian kekeluargaan adalah diantara bidang penting yang mendapat perhatian Kerajaan. Ke arah mencapai matlamat tersebut, pertubuhan-pertubuhan wanita hendaklah merancang dan mengatur berbagai program dalam bidang pembangunan keluarga meliputi aspek kesihatan keluarga, pemakanan berzat, pelajaran, aspek kepenggunaan, pengurusan masa dan amalan-amalan hidup berkualiti, seperti menikmati keindahan seni lukisan, muzik dan alam semulajadi.

Pengetahuan yang diperolehi melalui aktiviti-aktiviti persatuan ini akan dapat membantu ahli-ahli membina satu keluarga yang bahagia, melahirkan generasi yang berkualiti yang dikehendaki oleh negara.

Kaum wanita sekarang mempunyai kepakaran dalam berbagai bidang dan jika tenaga wanita digembeling dan disepadukan, maka mereka sudah tentu akan memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara. Pada masa ini, ada beberapa orang pegawai wanita di dalam perkhidmatan awam yang mempunyai kelayakan dan kebolehan untuk menyandang jawatan-jawatan yang tinggi di dalam perkhidmatan masing-masing. Adalah dimaklumkan bahawa beberapa orang pegawai wanita pada masa ini mempunyai potensi untuk memegang beberapa jawatan Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan dan menjadi Ketua-Ketua Jabatan. Kaum wanita samada isteri mahupun pegawai hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan waspada serta bijak membahagikan masa diantara aktiviti persatuan, tugas pejabat serta tanggungjawab mereka di rumah.

Di Mesyuarat Agong PUSPANITA pada tahun yang lepas, saya telah menasihatkan ahli-ahli PUSPANITA khususnya isteri-isteri pegawai-pegawai kanan supaya tidak mempengaruhi suami-suami mereka dalam menjalankan tugas-tugas jawatan mereka seperti dalam urusan kenaikan pangkat, disiplin, serta memperolehi perkara-perkara rahsia rasmi Kerajaan. Pada kali ini, izinkanlah saya menyampaikan nasihat kepada puan-puan sekalian yang merupakan isteri-isteri ataupun pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Jauhkanlah sifat hasad dengki, sombong, takbur, mengumpat, ria' dan membuat fitnah. Jika kita mengumpat, membuat fitnah dan sebagainya, mengadu domba diantara kawan-kawan, sudah pasti persatuan ini akan menjadi kucar kacir, dan tidak akan mendapat sokongan yang padu. Janganlah puan-puan mempunyai perasaan hasad dengki diantara satu dengan yang lain, sedangkan kita semua mendapat nikmat juga dari Allah.

Bahawa orang yang hasad itu membakar diri dan hatinya, bahawa api hasad dengki itu tidak boleh dipadamkan melainkan kebaikan dan ketaatan diri kepada Allah sahaja. Kita juga janganlah bersifat besar hati dan takbur kerana Allah berkuasa mengambil balik nikmat yang diberi kepada kita.

Bersifat takbur itu adalah salah satu daripada cara Allah menghilangkan nikmatnya daripada kita semua. Oleh itu, puan-puan sekalian yang telah banyak menerima dan merasai nikmat Allah hendaklah menghulurkan bantuan dan pertolongan, mengikat silaturrahim diantara ahli-ahli persatuan ini dan jauhkan perkara- perkara yang boleh membawa kepada pergaduhan.

Saya adalah berharap bahawa Mesyuarat Agong pada hari ini akan berjalan lancar dan menghasilkan buah fikiran serta cadangan yang baik untuk faedah ahli-ahli. Dengan ini, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agong Majlis Sukan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan (MSKWP) yang kedua ini.